

PERUBATAN TRADISIONAL - AMALAN-AMALAN
DALAM PERBIDANAN TRADISIONAL

Oleh ::

Mustafa Kamal bin Ahmad
Sarimah bt. Md. Dom
Shamsul Ariffin bin Senin
Zarina bt. Ali
Zulkifli bin Zakaria

Kertas Projek yang dikemukakan kepada
Kajian Pentadbiran dan Undang-Undang
Institut Teknologi MARA, Shah Alam, Selangor
untuk memenuhi sebahagian dari syarat untuk
memperolehi Diploma Pentadbiran Awam.

Mei 1988

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi ucapan terima kasih ingin kami rakamkan terutama sekali kepada penyelia kami, Encik Ibni Radzuan bin Ibrahim di atas segala bimbingan serta tunjuk ajar kerana tanpa beliau, kami tidak dapat menyempurnakan apa yang ada sekarang.

Juga tidak ketinggalan ingin kami lahirkan rasa penghargaan yang tidak terhingga kepada semua pihak yang terlibat bagi menjayakan segala program yang telah kami rancang. Tanpa mereka, kami mungkin tidak akan menemui kejayaan. Ucapan terima kasih juga kami tujukan buat :

1. Hajjah Essah bt. Kassim
Kg. Pernu, Telok Mas
Melaka.
2. Enon bt. Cindon
3. Penduduk Mukim Cincin
Jasin, Melaka
4. Penduduk Bukit baru,
Melaka.

Segala bantuan dan kerjasama dari semua tidak akan dilupakan dan amat kami sanjung tinggi.

Sekian.

PRAKATA

Sebagai memenuhi syarat yang telah ditetapkan oleh Institut untuk mendapatkan Diploma khususnya dalam Diploma Pentadbiran Awam, maka kami telah cuba menyediakan satu kertas projek yang bertajuk "Perubatan Tradisional - Amalan-amalan dalam Perbidanan Tradisional".

Kami telah menyentuh serba sedikit tentang perubatan tradisional Melayu khasnya dan juga mengkaji penerimaan masyarakat terhadap amalan perubatan tradisional Melayu itu. Seterusnya kami telah memfokuskan penyelidikan kepada perbidanan tradisional, iaitu dari segi asal usul, peringkat dalam rawatan, tidak ketinggalan juga pandangan masyarakat dan persaingannya dengan bidan kerajaann dan juga perubatan moden.

Seterusnya kami telah membuat satu analisa dan cadangan ke arah mempertingkatkan amalan perubatan tradisional amnya dan perbidanan tradisional khasnya dengan harapan apa yang kami lakukan ini akan menjadi panduan dan sebagai salah satu sumbangan kami kepada masyarakat.

KANDUNGAN

MUKASURAT

PENGHARGAAN	(i)
PRAKATA	(ii)
PROPOSAL	(v)
I. PENDAHULUAN	1
A. Asal Usul Dan Sejarah Perkembangan	4
B. Konsep Mengenai Penyakit Dalam Sistem Perubatan Tradisional Melayu	7
C. Pandangan Tentang Perubatan Tradisional	10
D. Penerimaan Masyarakat Terhadap Perubatan Tradisional	12
II. PERBIDANAN TRADISIONAL	15
A. Definisi	15
B. Asal Usul Dan Cara Mendapatkan Ilmu	17
C. Amalan-amalan Di dalam Perbidanan	20
D. Peringkat Dalam Rawatan	20
1. Sebelum Bersalin - Mengandung	20
2. Semasa Bersalin	23
3. Selepas Bersalin	24
D. Kesimpulan	27
III. PANDANGAN MASYARAKAT TERHADAP BIDAN TRADISIONAL - SATU TINJAUAN	29
A. Bidan Kerajaan Dan Kesannya	32
B. Peranan Bidan Dalam Masyarakat	34
C. Kadar kelahiran Dan Kematian Di Kawasan Luarbandar	36

I. PENDAHULUAN

Dalam memperkatakan soal sistem perubatan tradisional secara lazimnya terlintas dalam pemikiran kita perubatan tradisional Melayu merupakan satu sistem rawatan ke atas pesakit-pesakit yang dijalankan oleh dukun-dukun, bomoh-bomoh, pawang-pawang dan bidan menurut kaedah, cara dan prinsip masing-masing.

Kita tidak mengetahui dengan tepat dan mendalam tentang asal usul sistem perubatan tradisional Melayu oleh kerana kita jarang mendapat bahan-bahan klasik khususnya buku-buku mengenai perubatan tradisional Melayu untuk dibuat kajian dan panduan dalam memahami asal usul perubatan asli Melayu itu.

Ilmu dan amalan perubatan tradisional Melayu tidak didedahkan dan mungkin tidak ada penyelidik akademik yang berminat untuk menghasilkan sejarah perubatan asli Melayu secara menyeluruh yang boleh digunakan sebagai rujukan untuk kita semua.

Kemajuan dan pembangunan perubatan tradisional boleh memelihara kebesaran dan keyakinan diri dalam mana-mana komuniti melalui kepercayaan diri. Sebelum pengenalan perubatan barat, pesakit-pesakit akan pergi ke doktor-doktor kampung yang lebih dikenali sebagai bomoh atau dukun untuk menyembuhkan sebarang jenis penyakit.

Bomoh atau dukun ini, kebanyakannya adalah dalam separuh umur dan berpendidikan agama, mempelajari serta mendapat pengetahuan dan kemahiran daripada datuk nenek atau saudara mara yang pada suatu ketika dulu juga bergiat sebagai bomoh. Secara praktikalnya, hampir